

Headline	Selidik spesies tumbuhan		
MediaTitle	Harian Metro (Johor)		
Date	23 Nov 2015	Color	Full Color
Section	News	Circulation	214,000
Page No	37	Readership	642,000
Language	Malay	ArticleSize	333 cm <sup>2</sup>
Journalist	Hai Rozraman Jalal	AdValue	RM 9,775
Frequency	Daily	PR Value	RM 29,325



# Selidik spesies tumbuhan

■ 1,000 jenis pokok di Gunung Ledang boleh dikomersialkan

Oleh Hai Rozraman Jalal  
am@hmetro.com.my  
Ledang

**L**ebih 1,000 spesies tumbuhan yang terdapat di Gunung Ledang di sini, sedang dibuat penyelidikan untuk didokumentasi dan dikomersialkan bagi tujuan perubatan, produk kecantikan dan pelbagai kegunaan lain.

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Ir Hamim Samuri berkata, kajian yang dilakukan secara saintifik untuk mengenal pasti nutrisi, potensi, keanekaragaman, kelebihan, keistimewaan dan kegunaannya.

Beliau berkata, penyelidikan dan kajian secara khusus membitkan saintis dan kepakaran dari pada Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia dan Institut Penyelidikan Per-

hutanan Malaysia (FRIM).  
"Usaha melakukan penyelidikan bermula awal bulan ini dan ia mengambil masa selama enam bulan untuk meneroka Gunung Ledang yang kaya dengan

khazanah alam serta masih belum diterokai dan dieksplotasi sepenuhnya.

"Terdapat banyak tumbuhan khususnya herba dan akar kayu di kawasan hutan Gunung Ledang yang tinggi nutrisi semula jadi serta khasiatnya tetapi tiada kajian khas dilakukan mengenainya," katanya pada sidang media selepas merasmikan Program Khidmat Masyarakat 'UTHM CARE 2.0' anjuran Pusat Kurikulum Universiti Tun

Hussein Onn Malaysia (UTHM) di Kampung Orang Asli Tanah Gembur dekat Tangkak, semalam.

Hadir sama, Pegawai Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) Daerah Ledang, Suzilla Baki; Penolong Pegawai Pendidikan Daerah, Mohd Rasyidi Mohd Dorn; Pengarah Pusat Kokurikulum UTHM, Professor Madya Dr Ahmad Esa dan Tok Batin Kampung Orang Asli Tanah Gembur, Jengking Jani.

Hamim berkata, penduduk di kaki Gunung Ledang termasuk masyarakat Orang Asli hanya menggunakan tumbuhan itu sebagai sumber perubatan tradisional sedangkan nilai perubatannya amat tinggi dan pelbagai.

Sementara itu, dalam ucapannya, Ahli Parlimen Le-

dang itu mahu Orang Asli membantu proses kajian yang dijalankan berikutan mereka mengetahui tumbuhan yang berkhasiat dan memberi manfaat.

"Masyarakat Orang Asli juga perlu memecahkan tradisi dengan tidak hanya ngetahui kegunaan tumbuhan itu secara tradisional tetapi sebaliknya membongkar kehebatannya secara saintifik," katanya.



HAMIMI (tiga kanan) menyempit sebagai gimik perasmian Program Khidmat Masyarakat UTHM CARE 2.0.

"Terdapat banyak tumbuhan khususnya herba dan akar kayu di kawasan hutan Gunung Ledang"  
Hamim Samuri